

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06-7659022 (Talian Terus)
06-7659962 (Talian Terus)

Fail Kami: P.Kw.N./N.S.(349) 600/4 Klt.8 (25)

Tarikh : 10 November 2024

**YB DATO'/ YBHG DATO'/ TUAN/ PUAN
KETUA-KETUA JABATAN NEGERI**

**DATUK BANDAR/ YANG DIPERTUA
PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/ PENGARAH
BADAN BERKANUN NEGERI**

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 3 AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara yang tersebut di atas.


2. Untuk makluman YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan, YAB Menteri Besar Negeri Sembilan telah memberikan kelulusan terhadap Perwakilan Kuasa Di Bawah Seksyen 3 Akta Kontrak Kerajaan 1949 yang baharu dengan penambahan Ketua Jurutera Elektrik Negeri, Cawangan Kejuruteraan Elektrik JKRNS sebagai salah seorang pegawai awam yang dibenarkan untuk menandatangani kontrak bagi pihak Kerajaan Negeri.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini dikemukakan Perwakilan Kuasa Di Bawah Seksyen 3 Akta Kontrak Kerajaan 1949 yang telah dikemaskini di mana surat edaran Pentadbiran ini P.Kw.N./N.S.(349) 600/4 Klt.5 (32) bertarikh 24 Mac 2022 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI MOHD KHIDIR BIN MAJID)

**PERWAKILAN KUASA
DI BAWAH SEKSYEN 3 AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949**

Saya YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan dengan ini memberi kuasa kepada pegawai-pegawai yang disebutkan jawatannya di bawah ini dalam Jabatan Negeri, Negeri Sembilan untuk menandatangani bagi pihak Kerajaan Negeri Sembilan apa-apa kontrak bernilai/kontrak dalam hal seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Had Nilai Kontrak (Bekalan dan Perkhidmatan) (RM)	Had Nilai Kontrak (Kerja) (RM)
1.	YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan	10,000,000.00	30,000,000.00
2.	YB Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan	8,000,000.00	20,000,000.00
3.	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Negeri Sembilan	4,000,000.00	8,000,000.00
4.	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Negeri Sembilan	4,000,000.00	8,000,000.00
5.	Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban	3,000,000.00	6,000,000.00
6.	Pengarah Kerja Raya Negeri Sembilan Darul Khusus	3,000,000.00	6,000,000.00
7.	Semua Pegawai Pengawal*	1,000,000.00	2,000,000.00
8.	Timbalan Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan	500,000.00	1,000,000.00
9.	Jurutera Daerah, JKR Seremban	500,000.00	1,000,000.00
10.	Jurutera Daerah, JKR Kuala Pilah	500,000.00	1,000,000.00
11.	Jurutera Daerah, JKR Tampin	500,000.00	1,000,000.00
12.	Jurutera Daerah, JKR Port Dickson	500,000.00	1,000,000.00
13.	Jurutera Daerah, JKR Rembau	500,000.00	1,000,000.00
14.	Jurutera Daerah, JKR Jempol	500,000.00	1,000,000.00
15.	Jurutera Daerah, JKR Jelebu	500,000.00	1,000,000.00
16.	Jurutera Mekanikal, Worksyop Negeri	500,000.00	1,000,000.00
17.	Ketua Jurutera Elektrik Negeri	500,000.00	1,000,000.00

*Melibatkan kontrak bernilai/kontrak di Jabatan berkenaan sahaja.


.....
(YAB DATO' SERI UTAMA HAJI AMINUDDIN BIN HARUN)
Menteri Besar Negeri Sembilan
Tarikh: 14 November 2024